

## **PANDUAN PERMOHONAN KEBENARAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA MASJID DAN SURAU NEGERI JOHOR**

1. Permohonan hendaklah melalui Pejabat Kadi Daerah.
2. Permohonan hendaklah menyertakan Kertas Kerja lengkap dengan butiran berikut:
  - 2.1 Tujuan
  - 2.2 Latarbelakang Masjid dan Surau
  - 2.3 Status tanah
  - 2.4 Senarai nama Jawatankuasa Pengurusan Masjid dan Surau
  - 2.5 Senarai nama Pegawai Masjid Dan Surau sama ada bertauliah atau tidak
  - 2.6 Alasan untuk dirobuhkan
  - 2.7 Cadangan tempat mendirikan Solat Jumaat atau ibadat jika dirobuhkan
  - 2.8 Penempatan barang-barang wakaf
  - 2.9 Surat pengesahan peruntukan dan jumlah dana terkumpul AJK Masjid dan Surau
3. Kertas Kerja hendaklah dilampirkan bersama perkara-perkara berikut:
  - 3.1 Kertas kerja permohonan mendirikan Solat Jumaat Sementara.
  - 3.2 Perakuan pengesahan wakaf daripada Majlis Agama Islam Johor atau Pejabat Kadi Daerah atau
  - 3.3 Salinan Geran Tanah berstatus wakaf dari Pejabat Tanah Daerah.
  - 3.4 Minit mesyuarat yang berhubung dengan keputusan permohonan.
  - 3.5 Senarai nama Jawatankuasa yang telah disahkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor.
  - 3.6 Senarai nama Pegawai Masjid Dan Surau
  - 3.7 Gambar tapak / bangunan sedia ada
  - 3.8 Pandangan dan Sokongan Pengerusi masjid-masjid berhampiran.
  - 3.9 Pandangan dan Sokongan Wakil Rakyat / Pegawai Daerah / Penghulu atau Ketua Kampung.
  - 3.10 Maklumat-maklumat lain yang berkaitan
4. Laporan dan Surat sokongan daripada Kadi Daerah
5. Setelah Kertas Kerja Permohonan diterima lengkap, Unit Kariah Dan Takmir, Bahagian Pengurusan Masjid, Jabatan Agama Johor akan memproses dan menghantar sesalinan kepada Pemohon
6. Kertas kerja permohonan akan disemak dan diproses berdasarkan senarai semak.
7. Permohonan yang telah lengkap, setelah mendapat ulasan Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Masjid akan diajukan kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor untuk kelulusan.

8. Keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor akan difailkan dan diserahkan salinannya kepada Pejabat Kadi Daerah dan pemohon.
9. Satu Majlis pengistiharan akan dilaksanakan oleh kadi daerah bagi pihak MAIJ
10. Perhatian: Kertas Kerja Permohonan tidak dapat diproses jika tidak dilampirkan dokumen-dokumen yang diperlukan semasa menghantar permohonan.